

Soalan 1 Ulasan

ujian 4



Soalan 2 Ringkasan

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang punca-punca yang menyebabkan peningkatan kes pembuangan bayi. Panjangnya ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 100 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Mutakhir ini, kes pembuangan bayi amat kritikal. Sekadar mengambil beberapa contoh, iaitu pada 8 Februari lalu, mayat bayi yang dibungkus di dalam plastik hitam ditemui telah ditanam di tepi parit di Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Pendedahan tentang kes pembuangan bayi ini seolah-olah menggambarkan bahawa manusia sudah hilang sifat kemanusiaan.

Semua ini berpunca daripada keruntuhan moral masyarakat di negara ini, khususnya dalam kalangan generasi muda yang terjebak dalam pergaulan bebas sehingga melakukan hubungan seks luar nikah. Banyak pihak berpendapat bahawa generasi muda ini dipengaruhi oleh gaya hidup bebas masyarakat Barat yang sering dipertontonkan di media massa mahupun Internet. Kebanyakan pasangan bertindak untuk membuang bayi kerana mereka ingin menutup keaiban yang dilakukan sehingga melahirkan anak luar nikah.

Menurut ahli psikologi Barat, Hurlock, E.B dalam bukunya *Personality Development* (1974), personaliti negatif terbentuk dalam kalangan generasi muda kerana pengaruh persekitaran sama ada daripada rakan sebaya mahupun media massa.

Kesedaran dan penghayatan tentang halal dan haram memerlukan satu pendekatan yang menyeluruh. Semua ini perlu bermula dari peringkat persekolahan bagi memastikan generasi muda bukan sahaja memiliki pengetahuan yang mendalam tentang agama, malah perlu disusuli dengan penghayatan dan amalan. Budaya nasihat-menasihati bagi menggalakkan kebaikan dan mencegah kemungkaran perlu dikembangkan dalam masyarakat kerana pembangunan negara yang menyeluruh bergantung pada kemandapan institusi keluarga dan komuniti.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Polemik Kes Pembuangan Bayi',
Dewan Masyarakat, September 2010)